

09/11/1997

Asia kuasai abad 21

iewed by Imlan Adabi

ASIA bangkit dengan gagah ketika ini dan dijangka menguasai pelbagai sektor menjelang abad mendatang. Justeru, pandangan John Naisbitt dalam buku Megatrend Asia mengenai kebangkitan Asia bukan suatu igauan.

Malah, ia selari dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai kewujudan ekonomi Asia timur yang cemerlang.

Dengan analogi menarik, Malaysia sebagai pusat perkembangan dan kebangkitan ekonomi dan teknologi maklumat, Timur bakal gagah pada abad depan. Selain Jepun, Korea Selatan dan Singapura sudah menapak ke taraf negara maju, negara-negara lain termasuk Malaysia berada lebih ke hadapan dan dianggap gergasi ekonomi alaf 21.

Kelebihan Timur adalah sistem nilai yang menjadi pegangan mereka. Naisbitt menyatakan, jumlah penduduk Asia adalah separuh daripada warga dunia, sekali gus meletakkan mereka sebagai penyumbang sektor ekonomi, pembeli pelbagai barangan pengguna dan mengikut pandangan Barat, setengah bilion warga Asia bakal menjadi golongan menengah.

Sistem sosial yang teratur dan tertib menjadi kelebihan pada Asia. Ketika Barat kian kacau dan muram akhlaknya, Asia terutama Malaysia menjadi model generasi baru ekonomi dunia.

Naisbitt membuat perbandingan mengenai kadar anak luar nikah yang meningkat 30 peratus di Amerika, berbanding cuma dua peratus di Malaysia. Struktur sosial yang kukuh merangsang pertumbuhan ekonomi.

Menurut Naisbitt, lapan megatrend penting sedang mengubah semula ekonomi, pemerintahan dan budaya Asia, membentuk menjadi negara komanwel yang akan menyaingi kuasa dan pengaruh Barat:

* Daripada negara bangsa kepada jaringan kerja. Dengan meninggalkan nasionalisme, pengusaha Asia lebih mengamalkan kerjasama ekonomi untuk mewujudkan kekayaan Asia baru.

* Daripada tradisi kepada pilihan. Warisan budaya mereka tetap utuh, tetapi warga Asia sedang melahirkan sifat individualisme dan kepelbagaian yang menguntungkan.

* Daripada panduan eksport kepada dorongan pengguna. Ekonomi Asia yang pernah bergantung kepada apa yang boleh dieksport, kini menambah kuasa pembeli dan pengguna dengan perkembangan kelas menengah yang besar.

* Daripada kawalan kerajaan kepada dorongan pasaran. Di seluruh Asia, dasar penswastaan dan kelonggaran peraturan perdagangan boleh mewujudkan ekonomi yang kurang terbelenggu.

* Daripada ladang ke kota raya. Pembangunan Asia sedang berlaku hingga mewujudkan sumber kerja baru yang besar, kota terbesar dan tertinggi di dunia.

* Daripada tenaga buruh kepada intensif teknologi tinggi. Asia sedang bergerak cepat dalam membangunkan prasarana teknologi yang paling canggih di dunia.

* Daripada penguasaan lelaki kepada kemunculan wanita. Wanita sebagai pengusaha, pengundi dan pengguna yang kini mencorak kehidupan dan hala tuju Asia.

* Daripada Barat ke Timur. Pusat ekonomi sedunia, politik dan graviti budaya beralih dari Barat ke Timur. Ini membuktikan kuasa baru dunia!

(END)